



**JAWATAN** : PENSYARAH KANAN (GRED DS51)  
**SKIM PERKHIDMATAN** : PENSYARAH UNIVERSITI  
**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARAF JAWATAN** : TETAP  
**LOKASI** : JABATAN PENDIDIKAN BAHASA DAN KEMANUSIAAN, FAKULTI  
PENGAJIAN PENDIDIKAN

**GAJI:**

Jadual Gaji Minimum-Maksimum: RM5,855.00 - RM12,445.00

**ELAUN:**

Imbuan Tetap Keraian : RM600.00 sebulan  
Imbuan Tetap Perumahan : RM700.00 sebulan  
Bantuan Sara Hidup : RM300.00 sebulan

**SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Umur bagi lantikan tetap adalah tidak melebihi 45 tahun
- c) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan minimum CGPA 3.0 ke atas;
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN (KHAS) UPM BAGI JAWATAN STAF AKADEMIK:**

- 1) Calon perlu memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 2) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai bidang kepakaran berkaitan;
- 3) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan bahasa dalam Sijil Pelajaran Malaysia: Bahasa Malaysia/Melayu : Kepujian 1-4;

**CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

1. Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan UPM di pautan berikut ([http://reg.upm.edu.my/spk\\_upm/SOK-BUM-web/BORANG/3.SOK.BUM.BR03.JAWATAN%2001-](http://reg.upm.edu.my/spk_upm/SOK-BUM-web/BORANG/3.SOK.BUM.BR03.JAWATAN%2001-)

permohonan%20kump.p&p.pdf ) -- beserta Curriculum Vitae, salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan yang perlu DISAHKAN.

2. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
3. Calon-calun yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga di peringkat Fakulti yang berkenaan.
4. Segala dokumen permohonan hendaklah dihantar mengikut alamat berdasarkan jawatan yang dipohon.
5. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan / Badan-badan Berkanun / Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini.
6. Sekiranya tuan/puan tidak menerima sebarang jawapan dari pihak Universiti Putra Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan, bermakna permohonan tersebut adalah dianggap tidak berjaya.